

Headline	TNB hargai pengorbanan rakyat Malaysia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 May 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	243 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,455		



TNB hargai pengorbanan rakyat Malaysia

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi menceriaikan sambutan Syawal dengan menampilkan filem pendek *Semangat Raya Epik Fantastik* bagi menghargai pengorbanan seluruh rakyat Malaysia yang duduk di rumah bagi membendung penularan pandemik Covid-19.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, *Semangat Raya Epik Fantastik* adalah kesinambungan filem pendek TNB setiap kali sambutan Aidilfitri sejak beberapa tahun lalu.

“Dengan mematuhi arahan untuk duduk di rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), hero-hero kita ini lebih menghargai perkara kecil dan kebebasan yang kita ada selama ini,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Katanya, suasana terperap di kediaman masing-masing membolehkan orang ramai melakukan perkara yang diambil mudah selama ini, sekali gus menjadikan mereka lebih kreatif.



TNB meneruskan tradisi menceriaikan sambutan Syawal kali ini menerusi filem pendek 'Semangat Raya Epik Fantastik' yang menampilkan hakikat pengorbanan mematuhi PKP.

“Sambutan Aidilfitri kali ini bakal berbeza daripada biasa. Kita akan menghargai mereka yang tidak dapat bersama menyambut lebaran bukan kerana mereka telah tiada tetapi disebabkan kekangan PKP, Syawal kali ini tidak dapat diraikan bersama seperti biasa,” katanya.

Semangat Raya Epik

Fantastik boleh disifatkan sebagai filem pendek yang unik kerana babak setiap watak dimainkan sendiri oleh pelakornya sebagaimana diperlukan oleh pengarahnya.

Filem pendek berdurasi 1.57 saat itu mula ditayangkan di saluran YouTube rasmi TNB, TENAGAOofficial bermula 18 Mei 2020.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bernamea - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	2	0	RM 0
Media Prima - NTV7 (Media Prima - NTV7)	2	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	1	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	7	0	RM 0